Draf

RANCANGAN STRUKTUR

NEGERI SELANGOR 2035

[PENGUBAHAN]

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Selangor
(PLANMalaysia Selangor)
Perancangan Melangkaui Kelaziman

HAK CIPTA DAN HAK MILIK INTELEK :

Selaras dengan komitmen PLANMalaysia Selangor dalam menggalakkan ketersediaan maklumat, anda dialu-alukan untuk menerbit atau mencetak semula Draf RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan) sama ada secara keseluruhan atau sebahagian terbitan bagi kegunaan persendirian, pendidikan atau kegunaan tanpa untung tanpa kebenaran daripada pemegang hak cipta, dengan syarat sumber yang digunakan adalah diiktiraf. Sekiranya anda berhasrat untuk menerbit semula, mengubah atau memaparkan bahan-bahan dalam Draf RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan) bagi tujuan lain, permohonan rasmi hendaklah dihantar ke Bahagian Rancangan Pembangunan, PLANMalaysia Selangor atau pemegang hak cipta dan diminta untuk memasukkan notis hak cipta dalam mana-mana salinan yang dibuat. Anda juga diminta untuk memperakuan pencipta atau pemilik bahan seperti yang dinyatakan dalam Draf RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan). Semua hak cipta adalah terpelihara.

Mei 2024

Alamat
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor (PLANMalaysia Selangor)
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan,
No.3, Jalan Indah, Seksyen 14,
40646 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-5511 6666
Fax: 03-5510 5051
Emel: rsnselangor2035@jpbdselangor.gov.my

Isi Kandungan

01
Pengenalan
m/s 4

02
Profil Negeri Selangor
m/s 6

03
RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)
m/s 8

04
Teras 1: Ke Arah Negeri Dinamik, Maju dan Berdaya Saing
m/s 14

05
Teras 2: Ke Arah Negeri Mampan Dan Berdaya Tahan
m/s 34

06
Teras 3: Ke Arah Negeri Cekap Sumber Dan Berdaya Huni
m/s 62

07
Pelan Strategik Guna Tanah Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)
m/s 81

“ Selangor Negeri
Produktif, Progresif
dan Pintar ”

PENGENALAN

PERUNTUKAN PERUNDANGAN DAN JUSTIFIKASI PENGUBAHAN

PERUNTUKAN PERUNDANGAN

1. Sesuatu Rancangan Struktur itu disediakan mengikut **Seksyen 8, Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]**

2. Berdasarkan **Seksyen 11, Akta 172,** suatu rancangan struktur yang telah mula berkuat kuasa hendaklah tertakluk kepada **kajian semula tiap-tiap lima (5) tahun** seiring dengan penyediaan rancangan pembangunan lima (5) tahun Negeri.

3. **Tatacara bagi pengubahan rancangan struktur** perlu mematuhi prosedur di bawah **Seksyen 11 (b), Akta 172.**

4. Sebagai dokumen perancangan statutori yang **memandu dan mengawal pembangunan fizikal** di seluruh Negeri Selangor.

JUSTIFIKASI PENGUBAHAN



PROFIL NEGERI SELANGOR

DAERAH DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Petunjuk :

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) :

- Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)
- Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)
- Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS)
- Majlis Perbandaran Selayang (MPS)
- Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
- Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)
- Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)
- Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)
- Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL)
- Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)
- Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

Lain-lain :

- Negeri Bersempadan
- Sempadan Daerah
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

PROFIL NEGERI SELANGOR

SENARIO SEMASA PENDUDUK, PERTUMBUHAN EKONOMI & GUNA TANAH



Penduduk

2010	2022
5,345,454 Orang	7,050,300 Orang

Guna Tanah Semasa 2022

71.73%
Bukan Tepu Bina
(568,229.07 Hektar)

28.27%
Tepu Bina
(223,887.02 hektar)

Jumlah Keseluruhan
100% (792,116.09 hektar)

Pertanian
284,637.29 hektar

Hutan
263,017.75 hektar

SUMBANGAN KDNK

*Sumbangan kepada KDNK

Petunjuk :

- Kawasan Tepu Bina
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air
- Pantai

Lain-lain :

- Negeri Bersempadan
- Sempadan Daerah
- Lebuh Raya
- Jalan Utama
- Laluan Rel KTM
- Laluan Rel ERL
- Laluan Rel MRT, LRT & Monorail
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

RS NEGERI SELANGOR 2035 (PENGUBAHAN)

KONSEP PEMBANGUNAN TERTUMPU WILAYAH BANDAR DAN SEPARA BANDAR



TEORI KONSEP PEMBANGUNAN TERTUMPU WILAYAH BANDAR DAN SEPARA BANDAR

Petunjuk :

- Zon Perbandaran
- Zon Pengekalan Sumberjaya dan KSAS
- Zon Pengekalan Padi
- Zon Pengekalan Pertanian
- Zon Pemuliharaan Tanah Gambut
- Zon Pemuliharaan Pesisiran Pantai
- Pusat Pertumbuhan Utama
- Pusat Pertumbuhan Strategik
- Pusat Transit Antarabangsa
- Nodus Pelancongan
- Sempadan Konurbasi Nasional
- Badan Air

Lain-lain :

- Negeri Bersempadan
- Sempadan Daerah
- Lebuh Raya
- Jalan Utama
- Laluan Rel KTM
- Laluan Rel ERL
- Laluan Rel MRT, LRT & Monorail
- Laluan Rel ECRL
- Cadangan Laluan Rel MRT3
- Cadangan Sambungan Laluan Rel ERL (Negeri Sembilan)
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

RS NEGERI SELANGOR 2035 (PENGUBAHAN)

MATLAMAT PEMBANGUNAN

17 Hala Tuju Strategik	**73** Dasar	**522** Inisiatif Pelaksanaan	**66** Keberhasilan	**120** Indikator

RS NEGERI SELANGOR 2035 (PENGUBAHAN)

STRUKTUR RS NEGERI SELANGOR 2035 (PENGUBAHAN)

MATLAMAT

Selangor Negeri
Produktif, Progresif dan Pintar

Teras 1	Teras 2	Teras 3
Ke Arah Negeri Dinamik, Maju Dan Berdaya Saing	Ke Arah Negeri Mampan Dan Berdaya Tahan	Ke Arah Negeri Cekap Sumber Dan Berdaya Huni
5 Hala Tuju Strategik	6 Hala Tuju Strategik	6 Hala Tuju Strategik
11 Dasar	36 Dasar	26 Dasar
73 Inisiatif Pelaksanaan	274 Inisiatif Pelaksanaan	175 Inisiatif Pelaksanaan

RS NEGERI SELANGOR 2035 (PENGUBAHAN)

HALA TUJU STRATEGIK

TERAS 1

1.	Peningkatan Daya Saing Selangor Sebagai Pemacu Ekonomi Negara dan Pelonjakan Ekonomi ke Arah Negeri Berpendapatan Tinggi
2.	Penumpuan Pembangunan Industri Keberhasilan Tinggi dan Industri 4.0
3.	Peningkatan Potensi Produk Pelancongan dan Kemudahan Sokongan bagi Memantapkan Peranan Selangor Sebagai Salah Satu Destinasi Pelancongan Utama
4.	Pemerkasaan Infrastruktur Digital bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi di Selangor
5.	Pengukuhan Peranan Selangor Sebagai Hab Perdagangan dan Pengangkutan Utama

TERAS 2

1.	Pengukuhan Pengurusan Pertumbuhan Perbandaran.
2.	Penumpuan Pembangunan Sektor Pertanian ke arah Mendokong Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara
3.	Penggalakkan Pemuliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) dan Sumber Semula Jadi Serta Pemeliharaan Sumber-sumber Warisan
4.	Peningkatan Kualiti Alam Sekitar Ke Arah Kehidupan yang Lebih Sihat
5.	Peningkatan Sistem Saliran dan Pengurusan Sisa yang Efisien dan Efektif
6.	Peningkatan Pengaplikasikan Teknologi Hijau di dalam Pembekalan Tenaga dan Air, Bangunan, Pengurusan Sisa dan Sistem Pengangkutan

TERAS 3

1.	Penumpuan Pembangunan Perumahan Yang Mencukupi dan Mampu Milik Dengan Persekitaran Yang Berkualiti serta Selamat
2.	Peningkatan Pembangunan Kemudahan Pendidikan, Kesihatan dan Keselamatan Yang Mencukupi dan Berkualiti
3.	Peningkatan Pembangunan Kemudahan Keagamaan, Kemudahan Awam, Rekreasi dan Sukan Yang Mencukupi, Berkualiti dan Inklusif
4.	Perluasan Penyediaan Sistem Pengangkutan Bersepadu Untuk Penumpang dan Barang Yang Berkualiti, Menyeluruh, Boleh Dipercayai (Reliable), Efisien dan Mampan
5.	Peningkatan Penyediaan Bekalan Air Yang Mencukupi dan Bersih
6.	Peningkatan Penyediaan Bekalan Utiliti Yang Mencukupi, Boleh Dipercayai (*Reliable*) dan Efisien

RS NEGERI SELANGOR 2035 (PENGUBAHAN)

INDIKATOR DAN KEBERHASILAN DASAR MENGIKUT TERAS

TERAS 1

19
Indikator

15
Keberhasilan

- Pertumbuhan KDNK dan Pendapatan Penduduk
- Peningkatan Pelaburan Domestik dan Asing
- Tenaga Kerja Mahir
- Hab Pengangkutan air, udara dan darat

Komponen Utama
Indikator Teras 1

TERAS 2

59
Indikator

27
Keberhasilan

- Kawasan Perbandaran
- Kawasan Pertanian Utama
- Hutan Simpanan Kekal (HSK) & CFS
- Bandar Rendah Karbon dan Bandar Pintar

Komponen Utama
Indikator Teras 2

TERAS 3

42
Indikator

24
Keberhasilan

- Penawaran Unit Perumahan
- Tahap kemudahsampaian
- Pengangkutan Awam
- Bekalan Utiliti

Komponen Utama
Indikator Teras 3

RS NEGERI SELANGOR 2035 (PENGUBAHAN)

TERAS PEMBANGUNAN



Teras 1

5 HALA TUJU STRATEGIK
KEKAL: 2
PINDAAN: 3
BAHARU: 0

11 DASAR
KEKAL: 6
PINDAAN : 4
BAHARU: 1

73 INISIATIF PELAKSANAAN
KEKAL: 30
PINDAAN : 22
BAHARU: 21

Teras 2

6 HALA TUJU STRATEGIK
KEKAL: 2
PINDAAN : 4
BAHARU: 0

36 DASAR
KEKAL: 22
PINDAAN : 9
BAHARU: 5

274 INISIATIF PELAKSANAAN
KEKAL: 151
PINDAAN : 42
BAHARU: 81

Teras 3

6 HALA TUJU STRATEGIK
KEKAL: 0
PINDAAN : 5
BAHARU: 1

26 DASAR
KEKAL: 18
PINDAAN : 7
BAHARU: 1

175 INISIATIF PELAKSANAAN
KEKAL: 108
PINDAAN : 45
BAHARU: 22

Teras 1

Ke Arah Negeri Dinamik, Maju Dan Berdaya Saing

TERAS 1

KE ARAH NEGERI DINAMIK, MAJU DAN BERDAYA SAING

RUMUSAN DASAR TERAS 1



Aktiviti atau Perkara Utama Bagi Teras 1

- Ekonomi Digital
- Pendapatan
- Perindustrian
- Pelabuhan
- Aeroangkasa
- Pelancongan
- Lapangan Terbang
- Infrastruktur

KEKAL

Hala Tuju Strategik: 2
Dasar: 6
Inisiatif Pelaksanaan: 30

PINDAAN

Hala Tuju Strategik: 3
Dasar: 4
Inisiatif Pelaksanaan: 22

BAHARU

Hala Tuju Strategik: 0
Dasar: 1
Inisiatif Pelaksanaan: 21

TERAS 1

KE ARAH NEGERI DINAMIK, MAJU DAN BERDAYA SAING

PERKAITAN MATLAMAT SDGs

Matlamat SDGs yang terlibat:

1, 2, 4, 8, 9, 11, 12, 15 dan **17**

TERAS 1

KE ARAH NEGERI DINAMIK, MAJU DAN BERDAYA SAING

DASAR,GARIS PANDUAN DAN PELAN PEMBANGUNAN BAHARU YANG DIAMBIL KIRA

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12)

Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)

Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia

Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara

Rancangan Selangor Pertama (RS1)
- ZPE SMG
- SABDA
- IDRISS

Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA)

- Pelan Induk KLIA Aeropolis
- Pelan Penjanaan Semula Lapangan Terbang Subang (SARP)

Pelan Tindakan Aeroangkasa Selangor (SAAP)

GPP Penginapan Pekerja Berpusat *(Centralised Labour Quarters–CLQ)*

Lain-lain Dasar/Garis Panduan Baharu/Pelan Pembangunan Baharu

TERAS 1

KE ARAH NEGERI DINAMIK, MAJU DAN BERDAYA SAING

Hala Tuju 1:
Peningkatan Daya Saing Selangor Sebagai Pemacu Ekonomi Negara dan Pelonjakan Ekonomi ke Arah Negeri Berpendapatan Tinggi

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
BM1 Ekonomi Negeri Selangor Diransang Dan Dipelbagai Berpacukan Ekonomi Digital	**P1 (MS: T1-7)** Meningkatkan ekonomi digital berdasarkan kluster aktiviti ekonomi. **P2 (MS: T1-7)** Memperluas ekonomi digital dalam sektor pertanian, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan di pusat-pusat pertumbuhan strategik. **P3 (MS: T1-7)** Menambahbaik kadar tembusan, liputan dan kelajuan jalur lebar sebagai pemangkin dan menarik pelaburan aktiviti ekonomi digital. **P4 (MS: T1-7)** Menjadikan pelan strategik (Rajah 5.2.1) sebagai panduan dalam penyediaan perancangan dan pembangunan daerah. **P5 (MS: T1-8)** Memberikan insentif kepada pelabur dan pengusaha yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi digital. **P6 (MS: T1-8)** Menyokong pertumbuhan Ekonomi Gig.
BM2 Pendapatan Penduduk Negeri Selangor Akan Dipertingkatkan ke Arah Sasaran Berpendapatan Tinggi dan Mengurangkan Kadar Kemiskinan	**P1 (MS: T1-13)** Menyediakan kemudahan latihan melalui pelbagai institusi pendidikan. **P2 (MS: T1-13)** Menyemak semula kadar upah minimum mengikut kos sara hidup. **P3 (MS: T1-13)** Melaksanakan program komprehensif pembangunan modal insan dan skim bantuan. **P4 (MS: T1-13)** Mempelbagaikan peluang perniagaan dan menambahbaik program sokongan keusahawanan.
BM3 Pembentukan Modal Insan Berpengetahuan dan Mahir yang Mencukupi bagi Menampung Keperluan Pelbagai Bidang Ekonomi	**P1 (MS: T1-16)** Menyediakan kemudahan latihan melalui pelbagai institusi pendidikan. **P2 (MS: T1-16)** Meningkatkan penyediaan kursus TVET dan pelbagai latihan industri. **P3 (MS: T1-16)** Pengambilan pekerja asing berkemahiran. **P4 (MS: T1-16)** Melatih dan menggalakkan tenaga kerja muda untuk menjalankan aktivti ekonomi tampung diri. **P5 (MS: T1-16)** Menjalankan satu kajian terperinci dan pelan tindakan yang lengkap bagi mengkaji keperluan tenaga kerja masa hadapan. **P6 (MS: T1-16)** Memperkasakan bakat melalui program yang meningkatkan kemahiran, pengetahuan, kebolehan, dan potensi individu.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 1

KE ARAH NEGERI DINAMIK, MAJU DAN BERDAYA SAING

Hala Tuju 2:
Penumpuan Pembangunan Industri Keberhasilan Tinggi dan Industri 4.0

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
BM4 Negeri Selangor Akan Dibangunkan sebagai Pusat Aktiviti Teknologi Tinggi dan Ekonomi Digital Serta Pusat Kecemerlangan Pengeluaran Serantau	**P1 (MS: T1-20)** Meningkatkan aktiviti industri berteknologi tinggi dan Teknologi Baharu muncul. **P2 (MS: T1-20)** Menarik lebih banyak pelaburan industri berteknologi tinggi. **P3 (MS: T1-20)** Menarik pelaburan syarikat berteraskan industri terkemuka dunia untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai hab global serantau. **P4 (MS: T1-20)** Menggalakkan program aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan daya cipta (RDCI) dan *Innovation commercialization.* **P5 (MS: T1-21)** Menyediakan persekitaran yang kondusif dan selamat untuk menggalak pelaburan sektor swasta.
BM5 Konsep Pembangunan Industri Berkelompok Akan Terus Disokong dan Diperkukuhkan	**P1 (MS: T1-24)** Membangunkan aktiviti industri mengikut kelompok dan kawasan keutamaan pembangunan industri. **P2 (MS: T1-24)** Menggalakkan pembangunan kawasan industri baharu dan mentransformasi taman perindustrian sedia ada kepada konsep *Managed and Smart Industrial Park.* **P3 (MS: T1-24)** Menggalakkan konsep Taman Eko-Perindustrian atau *Eco- Industrial Park* (EIP). **P4 (MS: T1-24)** Membangunkan hab industri logistik.
BM6 Industri Kecil dan Sederhana Akan Diperkasakan dengan Mewujudkan Rantaian Industri dalam Sektor Industri Pembuatan dan Industri Teknologi Tinggi	**P1 (MS: T1-28)** Menggalakkan pembangunan IKS berasaskan pengetahuan (K-IKS). **P2 (MS: T1-28)** Meningkatkan dan memberi galakan melalui pelbagai program dan pemberian insentif kepada pembangunan Industri Kecil Sederhana (IKS). **P3 (MS: T1-28)** Menggalakkan penyertaan IKS dalam Program Pembangunan Teknologi dan Program Perolehan Teknologi bersama Pusat Teknologi sedia ada. **P4 (MS: T1-28)** Menggalakkan pembangunan dan menyediakan ruang industri kecil. **P5 (MS: T1-28)** Menerapkan teknologi yang meningkatkan kapasiti dan kualiti pengeluaran. **P6 (MS: T1-28)** Menghubungkan Pengusaha Mikro Kecil Sederhana (PMKS) dengan rangkaian pengetahuan dalam penyelidikan dan pembangunan.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

PEMBANGUNAN EKONOMI

CADANGAN KAWASAN TUMPUAN PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR



PROJEK-PROJEK UTAMA

3 Projek-projek utama

8 Kluster Aktiviti Ekonomi

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

- Perindustrian
- Pelabuhan
- Aeroangkasa
- Kitar Semula
- Pelancongan
- Akuakultur
- Pengangkutan
- Pertanian
- Asas Tani

Petunjuk :

- Koridor Perindustrian, Teknologi Tinggi
- Koridor Pelabuhan, Industri Maritim dan Logistik
- Hab Perindustrian Berat, Perkhidmatan & Kitar Semula
- Hab Eko- Pelancongan
- Hab Perikanan dan Akuakultur
- Hab Pertanian Berkualiti Tinggi dan Industri Asas Tani
- Hab Aeropolis & Aeroangkasa
- Hab Pembuatan Pengangkutan dan Logistik
- Pusat Pertumbuhan Strategik

Projek Flagship :

- Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selangor Selatan – IDRISS
- Zon Pembangunan Ekonomi Selangor Maritime Gateway - ZPE SMG
- Kawasan Pembangunan Sabak Bernam - SABDA

Lain-lain :

- Negeri Bersempadan
- Sempadan Daerah
- Lebuh Raya
- Jalan Utama
- Laluan Rel KTM
- Laluan Rel ERL
- Laluan Rel MRT, LRT & Monorail
- Laluan Rel ECRL
- Cadangan Laluan Rel MRT3
- Cadangan Sambungan Laluan Rel ERL (Negeri Sembilan)
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

TERAS 1

KE ARAH NEGERI DINAMIK, MAJU DAN BERDAYA SAING

Hala Tuju 3:
Peningkatan Potensi Produk Pelancongan dan Kemudahan Sokongan bagi Memantapkan Peranan Selangor Sebagai Salah Satu Destinasi Pelancongan Utama

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
BM7 Potensi Produk Pelancongan Diperkukuhkan dan Pembangunan Akan Dilaksana Secara Bersepadu dan Mampan	**P1 (MS: T1-33)** Mempertingkatkan tarikan produk eko pelancongan. **P2 (MS: T1-33)** Pembangunan pelancongan berasaskan alam semulajadi hendaklah tidak melebihi daya tampungan (*carrying capacity*). **P3 (MS: T1-33)** Mempertingkatkan promosi produk pelancongan sukan antarabangsa. **P4 (MS: T1-33)** Mempertingkatkan tarikan produk kebudayaan dan warisan. **P5 (MS: T1-34)** Merancang pembangunan pelancongan secara bersepadu. **P6 (MS: T1-34)** Membangunkan Kuala Selangor, Kuala Kubu Bharu, Banting, Klang dan Bandar Baru Bangi sebagai nodus pelancongan. **P7 (MS: T1-34)** Meningkatkan promosi acara pelancongan bertaraf antarabangsa. **P8 (MS: T1-34)** Menyokong pertumbuhan aktiviti pelancongan kesihatan dan MICE. **P9 (MS: T1-34)** Menubuhkan unit pelancongan dibawah pentadbiran PBT. **P10 (MS: T1-34)** Menggalakkan penduduk tempatan menyediakan tempat penginapan untuk pelancong.
BM8 Kemudahan Sokongan Pelancongan dan Kemudahsampaian Akan Dipertingkatkan	**P1 (MS: T1-39)** Menaiktaraf kemudahan sedia ada dan menyediakan kemudahan sokongan yang berkualiti. **P2 (MS: T1-39)** Menyediakan papan tanda arah berterusan. **P3 (MS: T1-39)** Menggalakkan pembangunan hotel / pusat peranginan bertaraf empat dan lima bintang secara bersepadu dengan kemudahan MICE di nodus pelancongan. **P4 (MS: T1-39)** Memberi keutamaan kepada program penyelenggaraan produk-produk pelancongan secara berjadual. **P5 (MS: T1-39)** Memastikan kawasan pelancongan mesra Orang Kurang Upaya (OKU) dan pengunjung pelbagai peringkat umur.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

PERINDUSTRIAN

CADANGAN KLUSTER PERINDUSTRIAN DAN KAWASAN KEUTAMAAN PEMBANGUNAN INDUSTRI



Petunjuk :

- Guna Tanah Semasa Industri
- Zon Guna Tanah Industri
- Kluster Perindustrian
- Badan Air
- Koridor Pelabuhan, Industri Maritim & Logistik
- Hab Perindustrian Berat, Perkhidmatan & Kitar Semula

Kawasan Keutamaan Pembangunan Perindustrian Negeri Selangor Menjelang 2035

1. Sungai Lang
2. Ijok
3. Bukit Beruntung
4. Serendah-Sungai Choh
5. Rawang
6. Bandar Baru Kundang
7. Lapangan Sultan Abdul Aziz Shah
8. Elmina
9. Pelabuhan Klang
10. Pulau Indah
11. Subang Jaya
12. Cyberjaya
13. KLIA
14. Puchong
15. Bernam Jaya
16. Rasa
17. Telok Panglima Garang
18. Sijangkang
19. Puncak Alam
20. Bandar Baru Bangi
21. Balakong
22. Bandar Serenia
23. Telok Gong

Lain-lain :

- Negeri Bersempadan
- Sempadan Daerah
- Lebuh Raya
- Jalan Utama
- Laluan Rel KTM
- Laluan Rel ERL
- Laluan Rel MRT, LRT & Monorail
- Laluan Rel ECRL
- Cadangan Laluan Rel MRT3
- Cadangan Sambungan Laluan Rel ERL (Negeri Sembilan)
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

PERINDUSTRIAN

KAWASAN PERINDUSTRIAN DI DAERAH SABAK BERNAM



Petunjuk :

- Guna Tanah Semasa Industri
- Zon Guna Tanah Industri
- Badan Air

**Nota: Perincian cadangan bagi jenis industri perlu diselaraskan mengikut Rancangan Tempatan yang telah/akan disediakan.*

PERINDUSTRIAN

KAWASAN PERINDUSTRIAN DI DAERAH KUALA SELANGOR



**Nota: Perincian cadangan bagi jenis industri perlu diselaraskan mengikut Rancangan Tempatan yang telah/akan disediakan.*

PERINDUSTRIAN

KAWASAN PERINDUSTRIAN DI DAERAH HULU SELANGOR



*Nota: Perincian cadangan bagi jenis industri perlu diselaraskan mengikut Rancangan Tempatan yang telah/akan disediakan.

PERINDUSTRIAN

KAWASAN PERINDUSTRIAN DI DAERAH GOMBAK



Nota: Perincian cadangan bagi jenis industri perlu diselaraskan mengikut Rancangan Tempatan yang telah/akan disediakan.

PERINDUSTRIAN

KAWASAN PERINDUSTRIAN DI DAERAH KLANG



6,849.55hektar
Guna Tanah Industri Semasa 2022

11,285.63hektar
Zon Guna Tanah Industri 2035

Petunjuk :

- Guna Tanah Semasa Industri
- Zon Guna Tanah Industri
- Badan Air

**Nota: Perincian cadangan bagi jenis industri perlu diselaraskan mengikut Rancangan Tempatan yang telah/akan disediakan.*

PERINDUSTRIAN

KAWASAN PERINDUSTRIAN DI DAERAH PETALING



Petunjuk :

- Guna Tanah Semasa Industri
- Zon Guna Tanah Industri
- Badan Air

**Nota: Perincian cadangan bagi jenis industri perlu diselaraskan mengikut Rancangan Tempatan yang telah/akan disediakan.*

PERINDUSTRIAN

KAWASAN PERINDUSTRIAN DI DAERAH HULU LANGAT



Nota: Perincian cadangan bagi jenis industri perlu diselaraskan mengikut Rancangan Tempatan yang telah/akan disediakan.

PERINDUSTRIAN

KAWASAN PERINDUSTRIAN DI DAERAH KUALA LANGAT



1,260.00hektar
Guna Tanah Industri Semasa 2022



5,583.89hektar
Zon Guna Tanah Industri 2035

Petunjuk :

- Guna Tanah Semasa Industri
- Zon Guna Tanah Industri
- Badan Air

**Nota: Perincian cadangan bagi jenis industri perlu diselaraskan mengikut Rancangan Tempatan yang telah/akan disediakan.*

PERINDUSTRIAN

KAWASAN PERINDUSTRIAN DI DAERAH SEPANG



Petunjuk :

- Guna Tanah Semasa Industri
- Zon Guna Tanah Industri
- Badan Air

**Nota: Perincian cadangan bagi jenis industri perlu diselaraskan mengikut Rancangan Tempatan yang telah/akan disediakan.*

PELANCONGAN

CADANGAN ZON DAN AKTIVITI PELANCONGAN



3

Zon Pelancongan

Ekopelancongan dan Agropelancongan

Pelancongan Warisan

Pelancongan Sukan, Membeli Belah, Gastronomi dan MICE

Petunjuk :

- Zon Ekopelancongan dan Perdagangan Agro
- Zon Pelancongan Warisan
- Zon Pelancongan Sukan, Membeli Belah, Gastronomi dan MICE
- Produk Pelancongan Semulajadi
- Produk Pelancongan Makanan, Membeli-belah dan MICE
- Produk Pelancongan Warisan
- Pelancongan Sukan Bertaraf Antarabangsa
- Nodus Pelancongan
- Taman Negeri
- Badan Air
- Hutan Simpanan Kekal

Lain-lain :

- Negeri Bersempadan
- Sempadan Daerah
- Lebuh Raya
- Jalan Utama
- Laluan Rel KTM
- Laluan Rel ERL
- Laluan Rel MRT, LRT & Monorail
- Laluan Rel ECRL
- Cadangan Laluan Rel MRT3
- Cadangan Sambungan Laluan Rel ERL (Negeri Sembilan)
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

TERAS 1

KE ARAH NEGERI DINAMIK, MAJU DAN BERDAYA SAING

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
	P6 (MS: T1-39) Menyediakan papan tanda jalan yang seragam. **P7 (MS: T1-39)** Mempertingkatkan tahap perkhidmatan pengangkutan awam di antara produk pelancongan ke Pelabuhan Klang dan KLIA, Kuala Lumpur dan Putrajaya. **P8 (MS: T1-39)** Menyediakan kemudahan pengangkutan awam dan perhubungan ke tempat-tempat pelancongan. **P9 (MS: T1-39)** Menggalakkan penyediaan 'tiket bersepadu' bagi tambang pengangkutan awam dan bayaran masuk ke pusat-pusat pelancongan.

Hala Tuju 4:
Pemerkasaan Infrastruktur Digital bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi di Selangor

BM9 Tahap Perkhidmatan Jaringan Jalur Lebar dan Infrastruktur Digital Akan Diperluas dan Dipertingkatkan	**P1 (MS: T1-43)** Menggalakkan penyedia-penyedia perkhidmatan, terutamanya TM untuk menaik taraf ibu-ibu sawat utamanya. **P2 (MS: T1-43)** Meluaskan penyediaan kemudahan internet percuma yang berkelajuan tinggi untuk komuniti. **P3 (MS: T1-43)** Menyediakan tapak khusus untuk menara telekomunikasi bagi pembangunan baharu. **P4 (MS: T1-43)** Menyediakan keperluan untuk merujuk kepada SKMM di dalam permohonan kebenaran merancang. **P5 (MS: T1-43)** Bagi kawasan sedia ada, pihak SKMM perlu menjadi penyelaras dalam melaksanakan perkongsian penggunaan menara telekomunikasi. **P6 (MS: T1-43)** Menambah baik rangkaian komunikasi di Selangor. **P7 (MS: T1-43)** Meningkatkan tahap penembusan internet dalam bangunan. **P8 (MS: T1-43)** Mempersiapkan Selangor ke arah peralihan teknologi 5G. **P9 (MS: T1-43)** Cadangan Pembangunan Baharu perlu merujuk kepada Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I).

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 1

KE ARAH NEGERI DINAMIK, MAJU DAN BERDAYA SAING

Hala Tuju 5:
Pengukuhan Peranan Selangor Sebagai Hab Perdagangan dan Pengangkutan Utama

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
BM10 Pembangunan Pelabuhan (Air dan Darat) Akan Terus Disokong dan Dipermudahkan	**P1 (MS: T1-47)** Memudahcara pembangunan sektor perkhidmatan dan kemudahan sokongan di Pelabuhan Klang. **P2 (MS: T1-47)** Menambahbaik tahap kemudahsampaian ke pelabuhan dan kawasan bandar dan luar bandar melalui peningkatan rangkaian keretapi dan jalanraya. **P3 (MS: T1-47)** Meningkatkan tahap kemudahsampaian di antara Pelabuhan Klang dengan KLIA melalui pengangkutan rel. **P4 (MS: T1-47)** Mengambil kira pembangunan Pelabuhan Klang sebagai bandar pelabuhan mampan dan pintar dalam menyediakan Rancangan Pemajuan. **P5 (MS: T1-47)** Mengukuhkan ekonomi maritim di Selangor melalui pembangunan Pelabuhan Pulau Carey (IDRISS) dan zon strategik ZPE SMG. **P6 (MS: T1-47)** Membangunkan pelabuhan darat (*inland port*) bagi memudahkan pergerakan kargo dari/ke Pelabuhan Klang. **P7 (MS: T1-47)** Mengimplementasi konsep *Cargo-Oriented Development* di stesen ECRL yang mempunyai perkhidmatan kargo. **P8 (MS: T1-47)** Menggalakkan inisiatif hijau yang menyokong Projek Green Voyage 2050.
BM11 Pembangunan Lapangan Terbang Akan Diperkukuhkan sebagai Hab Penerbangan Utama di Rantau Asia	**P1 (MS: T1-49)** Meningkatkan ketersambungan antara kawasan bandar dan luar bandar melalui jaringan jalan raya dan mod-mod pengangkutan awam yang baik ke KLIA dan LTSAAS. **P2 (MS: T1-49)** Menerapkan konsep *first mile dan last mile* bagi memastikan kesalinghubungan antara pelbagai kemudahan pengangkutan awam ke KLIA dan LTSAAS dapat dicapai. **P3 (MS: T1-49)** Menyokong pembangunan LTSAAS sebagai satu sinergi dalam ekosistem aeroangkasa. **P4 (MS: T1-49)** Menambahbaik penyediaan kemudahan sokongan di KLIA. **P5 (MS: T1-49)** Meningkatkan infrastruktur, pembangunan kapasiti dan inovasi digital bagi menyokong inisiatif Airports 4.0. **P6 (MS: T1-49)** Menggalakkan pembangunan Selangor International Aero Park (SAP) sebagai hab Aeroangkasa di peringkat global & rantau ASEAN.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

Teras 2

Ke Arah Negeri Mampan Dan Berdaya Tahan

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

RUMUSAN DASAR TERAS 2



Aktiviti/Perkara Utama Bagi Teras 2

- Perbandaran
- Perniagaan
- Perindustrian
- Petempatan Desa
- Pertanian
- KSAS
- Bandar Pintar
- Bandar Rendah Karbon

KEKAL

Hala Tuju Strategik: 2
Dasar: 22
Inisiatif Pelaksanaan: 151

PINDAAN

Hala Tuju Strategik: 4
Dasar: 9
Inisiatif Pelaksanaan: 42

BAHARU

Hala Tuju Strategik: 0
Dasar: 5
Inisiatif Pelaksanaan: 81

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

PERKAITAN MATLAMAT SDGs

Matlamat SDGs yang terlibat:

1, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 13, 14, 15, 16 dan 17

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

DASAR,GARIS PANDUAN DAN PELAN PEMBANGUNAN BAHARU YANG DIAMBIL KIRA

Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara - 2 (RFZPPN 2)



Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara



Pelan Guna Tanah Sumber Makanan Negara (KAGUMN)



GPP Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia

Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia

Rangka Kerja Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Kebangsaan

Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS)PIRECFS

Pelan Tindakan Smart Selangor 2025

Gombak–Hulu Langat Geopark (GHL Geopark)



Lain-lain Dasar/Garis Panduan Baharu/Pelan Pembangunan Baharu

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Hala Tuju 1:
Pengukuhan Pengurusan Pertumbuhan Perbandaran

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
MP1 Kawasan Keutamaan Pembangunan Perbandaran akan Ditumpukan di Kawasan Perbandaran Sedia Ada serta di Kawasan Pusat Pertumbuhan Utama	**P1 (MS: T2-10)** Menggunapakai Kawasan Keutamaan Perbandaran 1 (KKP 1) dan Kawasan Keutamaan Perbandaran 2 (KKP 2) sebagai panduan kepada penetapan zon guna tanah dan Kelas Kegunaan Tanah Rancangan Tempatan (KGT RT). **P2 (MS: T2-10)** Mengekalkan kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang terletak dalam kawasan keutamaan pembangunan bagi menjadi sumber kawasan pengeluaran makanan. **P3 (MS: T2-10)** Meningkatkan tahap mobiliti dalam kawasan pusat bandar utama. **P4 (MS: T2-10)** Meningkatkan tahap kemudahsampaian di antara pusat pusat pertumbuhan utama di Daerah Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Sabak Bernam. **P5 (MS: T2-10)** Meningkatkan tahap penyediaan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi dan memastikan bekalan air dan elektrik yang mencukupi, efisien dan boleh dipercayai (*reliable*) **P6 (MS: T2-10)** Menjadikan keperluan penyediaan infrastruktur jalur lebar sebagai satu syarat kelulusan bagi permohonan Kebenaran Merancang.
MP2 Rebakan Bandar akan Dikawal dengan Menggunakan Sempadan Bandar yang Telah Ditetapkan	**P1 (MS: T2-14)** Menyediakan had sempadan pembangunan bandar bagi pusat-pusat pertumbuhan utama. **P2 (MS: T2-14)** Mengekalkan kawasan hutan atau kawasan pertanian sebagai lingkaran hijau bagi pusat pertumbuhan di Daerah Sabak Bernam, Gombak, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Sepang. **P3 (MS: T2-14)** Mematuhi sempadan bandar yang telah ditetapkan dan perlu disesuaikan dengan keadaan semasa. **P4 (MS: T2-14)** Menggalakkan pembangunan yang bersesuaian di kawasan lingkaran hijau. **P5 (MS: T2-14)** Perumahan yang dibenarkan di dalam kawasan lingkaran hijau. **P6 (MS: T2-14)** Mengemas kini maklumat dan data 'tree canopy coverage' di peringkat PBT untuk memastikan penghijauan bandar. **P7 (MS: T2-14)** Melaksanakan inventori pokok dan menguatkuasakan pelaksanaan Perintah Pemeliharaan Pokok (TPO). **P8 (MS: T2-14)** Melaksanakan had kawalan bagi pembangunan-pembangunan berskala kecil (*piecemeal development*).

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
MP3 Pembangunan Baharu Dalam Kawasan Bandar Perlu Mengutamakan Pembangunan Secara Infill, Pembangunan Tapak Secara Brownfield dan Pembaharuan Bandar (*Urban Renewal*)	**P1 (MS: T2-19)** Menjalankan kajian yang bersesuaian untuk menentukan nilai keupayaan tampungan. **P2 (MS: T2-19)** Memastikan pembangunan dalam kawasan bandar mematuhi keupayaan tampungan (carrying capacity). **P3 (MS: T2-19)** Mengemas kini maklumat tapak *brownfield* dari semasa ke semasa dan mendokumentasinya dalam satu sistem data spatial. **P4 (MS: T2-19)** Melaksanakan pembaharuan bandar (*urban renewal*) melalui pendekatan secara *rehabilitation, restoration, redevelopment* atau *regeneration.* **P5 (MS: T2-19)** Membangunkan kawasan tapak *brownfield* yang telah ditinggalkan atau terbiar atau terbengkalai. **P6 (MS: T2-19)** Menambah baik pemberian insentif dan mekanisme pelaksanaan. **P7 (MS: T2-19)** Pembangunan semula tanah hak milik kerajaan perlu mengutamakan pembangunan untuk kegunaan awam. **P8 (MS: T2-20)** Pembangunan baharu mengambilkira aspek-aspek pembangunan mampan. **P9 (MS: T2-20)** Menjalankan Pelan Tindakan Khas yang merangkumi model perniagaan dan pelaksanaan bagi tapak-tapak *brownfield.* **P10 (MS: T2-20)** Menyediakan maklumat tapak-tapak pembaharuan semula dalam bentuk data spatial.
MP4 Konsep Pertumbuhan Pintar (*Smart Growth*) melalui Pendekatan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) akan diberikan Penekanan dalam Pembangunan Baharu	**P1 (MS: T2-23)** Memajukan guna tanah di pusat-pusat transit dengan konsep TOD. **P2 (MS: T2-23)** Menyediakan pelan tindakan dan garis panduan pembangunan TOD bagi setiap stesen transit. **P3 (MS: T2-23)** Menggalakkan perumahan mampu milik dan perumahan transit di dalam kawasan TOD. **P4 (MS: T2-23)** Menggalakkan pembangunan bercampur secara menegak. **P5 (MS: T2-23)** Memastikan pembangunan seperti SOHO dan pangsapuri perkhidmatan di dalam pusat-pusat TOD ini perlu menyediakan keperluan kemudahan masyarakat.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

KAWASAN KEUTAMAAN PEMBANGUNAN

KAWASAN KEUTAMAAN PERBANDARAN 1 DAN 2



74%

Kawasan Perbandaran (166,013.80 Hektar)

Daerah Petaling, Sepang, Hulu Langat, Klang dan Gombak.

Petunjuk :

- Kawasan Keutamaan Perbandaran 1
- Kawasan Keutamaan Perbandaran 2
- Kawasan Pengekalan Sumberjaya
- Kawasan Pertanian
- Kawasan Tanaman Padi
- Badan Air
- Lapangan Terbang
- Pelabuhan
- Sempadan Konurbasi Nasional

Lain-lain :

- Negeri Bersempadan
- Sempadan Daerah
- Lebuh Raya
- Jalan Utama
- Laluan Rel KTM
- Laluan Rel ERL
- Laluan Rel MRT, LRT & Monorail
- Laluan Rel ECRL
- Cadangan Laluan Rel MRT3
- Cadangan Sambungan Laluan Rel ERL (Negeri Sembilan)
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
MP5 Pembangunan Bandar Dilaksana Secara Bersepadu dan Saling Melengkapi di Antara Satu Sama Lain Berdasarkan Hierarki Perbandaran dan Fungsi yang Ditetapkan	**P1 (MS: T2-28)** Mengagihkan perancangan pembangunan ekonomi serta kemudahan dan perkhidmatan bandar mengikut hierarki bandar. **P2 (MS: T2-28)** Merancang pembangunan bandar mengikut fungsi utama yang telah dikenal pasti. **P3 (MS: T2-28)** Menjadikan salah satu fungsi sokongan bagi Shah Alam, Petaling Jaya, Kuala Selangor, Sepang dan Klang sebagai bandar seni dan budaya. **P4 (MS: T2-28)** Merancang pembangunan Bandar Klang dan Cyberjaya sebagai bandar yang mempunyai ciri-ciri khas mengikut keistimewaan masing-masing. **P5 (MS: T2-28)** Pembangunan bandar-bandar di Negeri Selangor perlu mempunyai dan mengekalkan karakter serta reka bentuk bandar (*urban design*) yang unik dan tersendiri.
MP6 Pembangunan Ruang Perniagaan Berdasarkan Keperluan dan Fungsi Pusat Perniagaan dan Perkhidmatan	**P1 (MS: T2-34)** Merekodkan luas ruang lantai perniagaan sedia ada dan yang diluluskan secara digital dan sistematik. **P2 (MS: T2-34)** Memastikan pembangunan ruang perniagaan mengikut keperluan. **P3 (MS: T2-34)** Memastikan pengagihan ruang lantai mengikut ciri-ciri hierarki pusat perniagaan. **P4 (MS: T2-34)** Menyediakan kedai mampu milik dalam pembangunan komersial atau pembangunan perumahan yang baharu. **P5 (MS: T2-34)** Menyediakan pelbagai saiz ruang lantai perniagaan dan perkhidmatan, kedai mampu milik bagi menggalakkan dan memenuhi keperluan usahawan kecil. **P6 (MS: T2-34)** Pembangunan *small office home office* (SOHO) atau yang setanding dengannya perlu mengikut garis panduan. **P7 (MS: T2-34)** Mengawal selia kegunaan ruang perniagaan di pusat-pusat kejiranan dari aktiviti yang mendatangkan kacau ganggu kepada masyarakat setempat. **P8 (MS: T2-34)** Memastikan keserasian kegunaan bangunan di pusat-pusat perniagaan dan perkhidmatan (kualitatif). **P9 (MS: T2-34)** Penyediaan pembangunan perniagaan perlu menerapkan Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*universal design guidelines*).

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

PEMBANGUNAN BERORIENTASI TRANSIT (TOD)

CADANGAN TABURAN PEMBANGUNAN BERORIENTASI TRANSIT (TOD)



**Nota: Jumlah TOD cadangan adalah terdiri daripada stesen ECRL dan MRT 3*

Petunjuk :

- Radius Pusat Tod Sediada (400m - 800m)
- Radius Pusat TOD Cadangan (400m - 800m)
- Kawasan Tepu Bina
- Badan Air

Lain-lain :

- Negeri Bersempadan
- Sempadan Daerah
- Lebuh Raya
- Jalan Utama
- Laluan Rel KTM
- Laluan Rel ERL
- Laluan Rel MRT, LRT & Monorail
- Laluan Rel ECRL
- Cadangan Laluan Rel MRT3
- Cadangan Sambungan Laluan Rel ERL (Negeri Sembilan)
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
MP7 Pembangunan dalam Kawasan Konurbasi Nasional Perlu Diselaraskan Antara PBT Negeri Selangor dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Negeri Pahang, Negeri Perak dan Negeri Sembilan Untuk Mewujudkan Pembangunan Yang Bersepadu	**P1 (MS: T2-36)** Memastikan penyelarasan dalam penetapan zon guna tanah, kelas kegunaan tanah dan kawalan intensiti pembangunan bagi pembangunan bersempadan. **P2 (MS: T2-36)** Menyelaras perancangan dan pembangunan bandar-bandar yang bersempadan. **P3 (MS: T2-36)** Menyelaraskan pembangunan di antara PBT Selangor bagi memastikan kesinambungan pembangunan.
MP8 Kawasan Perindustrian Akan Dibangunkan Secara Mampan, Mengikut Keperluan dengan Persekitaran yang Kondusif	**P1 (MS: T2-40)** Memberi keutamaan pembangunan di kawasan-kawasan perindustrian sedia ada dan di kawasan perindustrian yang telah dikenal pasti. **P2 (MS: T2-40)** Mempertingkatkan pembangunan kemudahan infrastruktur dan penyelenggaraan kawasan perindustrian terancang sedia ada. **P3 (MS: T2-40)** PBT perlu merancang semula kawasan perindustrian sedia ada yang aktivitinya tidak lagi bersesuaian dengan pembangunan sekitar, tidak dihuni atau ditinggalkan. **P4 (MS: T2-40)** Mempertingkatkan penguatkuasaan perundangan dan peraturan di semua kawasan industri yang beroperasi. **P5 (MS: T2-40)** Meningkatkan langkah-langkah pengawalan pencemaran dan memastikan penyediaan zon penampan yang mencukupi. **P6 (MS: T2-40)** Menggalakkan pembangunan berkonsep taman perindustrian 'managed industrial park' bagi projek perindustrian yang baharu. **P7 (MS: T2-41)** Menggalakkan pembinaan IKS secara bersepadu dengan kawasan perniagaan dan perumahan. **P8 (MS: T2-41)** Menyediakan asrama pekerja dalam kawasan industri yang dilengkapi dengan kemudahan awam dan rekreasi bagi menangani masalah sosial. **P9 (MS: T2-41)** Pengurusan sisa industri berjadual dengan teknologi hijau dan amalan kaedah *'best available technology'*. **P10 (MS: T2-41)** Menyediakan elemen bandar pintar dalam pembangunan dan pengurusan taman perindustrian baharu.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
MP9 Petempatan Desa perlu Dirancang dan Dibangunkan Secara Bersepadu dengan Pembangunan Bandar	**P1 (MS: T2-54)** Memelihara perkampungan yang dikekalkan sebagai perkampungan tradisi/ petempatan desa dalam Rancangan Tempatan. **P2 (MS: T2-54)** Menetapkan intensiti dan jenis pembangunan yang bersesuaian bagi perkampungan. **P3 (MS: T2-54)** Merancang pembangunan petempatan desa berdasarkan kepada Pelan Halatuju Strategik Desa Negeri Selangor 2035. **P4 (MS: T2-54)** Menaik taraf infrastruktur perparitan dan jalan di semua jenis petempatan desa. **P5 (MS: T2-54)** Menyediakan kemudahan infrastruktur dan jalur lebar berkelajuan tinggi di petempatan desa. **P6 (MS: T2-54)** Memastikan kawasan perkampungan dilengkapi dengan kemudahan asas yang memenuhi keperluan semua golongan. **P7 (MS: T2-54)** Mengekalkan perkampungan tradisi dan mengukuhkan ciri-ciri keunikan semula jadi petempatan desa. **P8 (MS: T2-54)** Mengadakan program pembangunan secara bersepadu dan khusus bagi membaik pulih kualiti fizikal petempatan kampung tradisi, kampung baru dan perkampungan orang asli. **P9 (MS: T2-54)** Mempergiatkan program desa lestari untuk meningkatkan pengupayaan komuniti dalam merancang serta menjayakan pelaksanaan projek pembangunan ekonomi. **P10 (MS: T2-54)** Memperluaskan Projek Smart Desa sebagai pusat pendidikan untuk pelajar dan diperkembangkan sebagai pusat pembelajaran / latihan kemahiran. **P11 (MS: T2-54)** Menyediakan perumahan mengikut keperluan bagi penduduk di petempatan desa, perkampungan nelayan, perkampungan tradisi, petempatan estet serta petempatan FELDA / FELCRA. **P12 (MS: T2-54)** Mensyaratkan penyediaan Kajian Penilaian Impak Sosial (SIA) sebagai sebahagian daripada keperluan kelulusan kebenaran merancang di petempatan desa.
MP10 Petempatan Desa perlu Dirancang dan Dibangunkan Secara Bersepadu dengan Pembangunan Bandar	**P1 (MS: T2-57)** Membangunkan sistem pangkalan data digital bagi merekod dan mengemas kini status Tanah Rizab Melayu. **P2 (MS: T2-57)** Mengenal pasti kawasan Tanah Rizab Melayu yang belum dimajukan sebagai *zon enterprise* atau yang bersesuaian selaras dengan potensinya.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
	P3 (MS: T2-57) Meletakkan pengurusan pembangunan Tanah Rizab Melayu di bawah pentadbiran seksyen yang bersesuaian di bawah UPEN. **P4 (MS: T2-57)** Menggalakkan pelaksanaan projek di kawasan Tanah Rizab Melayu secara usaha sama antara pemilik tanah (Bumiputera) dengan pihak kedua. **P5 (MS: T2-57)** Mempertimbangkan pemberian insentif yang bersesuaian bagi pembangunan Tanah Rizab Melayu.
MP11 Perancangan dan Pembangunan Rizab Dan Kawasan Orang Asli Perlu Diselaraskan Dengan Pembangunan Sekitar	**P1 (MS: T2-60)** Menaik taraf perkampungan orang asli kepada kampung tradisional moden. **P2 (MS: T2-60)** Menaik taraf seluruh perkampungan orang asli sebagai satu petempatan tersusun. **P3 (MS: T2-60)** Memajukan kawasan pertanian di penempatan orang asli dengan tanaman yang konsisten. **P4 (MS: T2-60)** Mewujudkan pelancongan inap desa di setiap perkampungan orang asli yang mempunyai potensi tarikan pelancongan. **P5 (MS: T2-60)** Memelihara flora dan fauna di kawasan berhampiran penempatan orang asli. **P6 (MS: T2-60)** Menyediakan latihan keusahawanan kepada orang asli dan meluaskan R&D bagi tanaman herba untuk perubatan. **P7 (MS: T2-60)** Mempergiatkan program desa lestari untuk meningkatkan pengupayaan komuniti dalam merancang serta menjayakan pelaksanaan projek pembangunan ekonomi. **P8 (MS: T2-60)** Memperluaskan projek smart desa sebagai pusat pendidikan untuk pelajar dan diperkembangkan sebagai pusat pembelajaran / latihan kemahiran. **P9 (MS: T2-60)** Menyediakan kajian terperinci berkaitan penempatan orang asli.

Hala Tuju 2:
Penumpuan Pembangunan Sektor Pertanian ke arah Mendokong Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara

MP12 Kawasan Pertanian Utama (KPU) yang Merupakan Kawasan Pengeluaran Makanan Dikekal dan Dipelihara bagi Menyumbang kepada Jaminan Sekuriti Makanan Negara	**P1 (MS: T2-66)** Mengekalkan KPU Tahap 1, iaitu kawasan jelapang padi IADA Barat Laut Selangor untuk tanaman padi sahaja. **P2 (MS: T2-66)** Mengekalkan kawasan jelapang padi IADA Barat Laut Selangor sebagai kawasan sumber makanan negara.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
	P3 (MS: T2-66) Meningkatkan intensiti pengairan kawasan Jelapang Padi IADA Barat Laut Selangor kepada 50 meter per hektar. **P4 (MS: T2-66)** Memantau perubahan aktiviti atau penggunaan tanah di kawasan jelapang padi. **P5 (MS: T2-66)** Mengekalkan KPU tahap 2. **P6 (MS: T2-66)** Mewartakan KPU tahap 2 sebagai kawasan sumber makanan negara. **P7 (MS: T2-66)** Mengoptimumkan penggunaan kawasan berikut secara optimum dengan kegunaan yang bersesuaian. **P8 (MS: T2-66)** Jika terdapat keperluan untuk mengubah aktiviti kepada aktiviti bukan pengeluaran makanan, tapak tersebut perlu diganti dengan tapak yang baharu. **P9 (MS: T2-67)** Melaksana inventori tapak yang menyeluruh bagi menetapkan sempadan kawasan semula jadi pembiakan kerang. **P10 (MS: T2-67)** Menetapkan dasar atau arahan di peringkat Kerajaan Negeri untuk tidak membenarkan pelaksanaan projek akuakultur termasuk projek ternakan kerang dan tambak laut. **P11 (MS: T2-67)** Mengawal aktiviti pencemaran laut dan sungai melalui penguatkuasaan undang-undang sedia ada. **P12 (MS: T2-67)** Mengekalkan kawasan pembenihan ikan (hatceri) sedia ada dan menambah kawasan yang baharu. **P13 (MS: T2-67)** Mengaktifkan semula kawasan pengeluaran makanan yang tidak diusahakan atau tanah pertanian terbiar. **P14 (MS: T2-67)** Mengenal pasti kawasan pengeluaran makanan yang baharu. **P15 (MS: T2-67)** Pengukuhan fungsi Pusat Agropolitan sebagai pusat perkhidmatan aktiviti pengeluaran makanan.
MP13 Produktiviti Pertanian (Tanaman, Penternakan dan Perikanan) Dipertingkatkan Secara Komersial dan Ekonomik	**P1 (MS: T2-74)** Menggunakan klon dan varieti (tanaman, penternakan dan perikanan) yang berkualiti dan terpilih serta teknologi terkini. **P2 (MS: T2-74)** Menyatukan pengurusan tanah-tanah pertanian yang bersaiz kecil dan menguruskannya secara sistem estet..

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

KAWASAN PERTANIAN UTAMA (KPU)

KAWASAN PERTANIAN UTAMA (KPU) YANG PRODUKTIF DAN BERDAYA MAJU UNTUK AKTIVITI PERTANIAN



IADA Barat Laut Selangor (Daerah Sabak Bernam & Kuala Selangor)

19,606.24 ha

TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN

(TKPM)

- **11 Tapak TKPM (Tanaman)**
- **11 Tapak TKPM (Penternakan)**
- **18 Kawasan Padang Ragut**
- **5 Kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA)**

Petunjuk :

KPU Tahap 1

- IADA Barat Laut
- TKPM Ternakan
- TKPM Tanaman
- TKPM Padang Ragut
- Zon Industri Akuakultur
- Kebun Kerang
- Pusat Agropolitan

KPU Tahap 2

- Pertanian Komoditi

Lain-lain :

- Negeri Bersempadan
- Sempadan Daerah
- Lebuh Raya
- Jalan Utama
- Laluan Rel KTM
- Laluan Rel ERL
- Laluan Rel MRT, LRT & Monorail
- Laluan Rel ECRL
- Cadangan Laluan Rel MRT 3
- Cadangan Sambungan Laluan Rel ERL (Negeri Sembilan)
- Tanah Gambut
- Badan Air
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
	P3 (MS: T2-74) Mengusahakan kawasan pertanian berskala komersil (terutama keluasan tanaman bagi seorang pengusaha). **P4 (MS: T2-74)** Mengusahakan aktiviti penternakan berskala komersil (terutama bilangan ternakan minima bagi seorang penternak atau pusingan). **P5 (MS: T2-74)** Meningkatkan perletakan tukun-tukun tiruan untuk memperkayakan sumber hidupan laut/ikan laut. **P6 (MS: T2-74)** Meningkatkan aktiviti melepaskan anak benih ikan dan udang secara berkala ke kawasan perairan umum. **P7 (MS: T2-74)** Menambah keluasan dan bilangan kawasan ternakan ikan di tapak sedia ada atau tapak baharu. **P8 (MS: T2-74)** Menggalakkan aktiviti integrasi pertanian bagi mengoptimumkan penggunaan sumber tanah pertanian. **P9 (MS: T2-74)** Perusahaan sarang burung walit perlu mengikut garis panduan yang diterima pakai. **P10 (MS: T2-74)** Menggalakkan penggunaan teknologi baru dalam aktiviti penternakan haiwan. **P11 (MS: T2-74)** Menggalakkan penggunaan trektor bailer untuk mengumpul dan menjadikan jerami padi sebagai makanan ternakan dan mengurangkan pembakaran jerami padi. **P12 (MS: T2-74)** Meningkatkan penggunaan teknologi pertanian pintar (*Smart Farming*) serta mekanisasi dan automasi di kalangan pengusaha. **P13 (MS: T2-74)** Memperkasakan penyelidikan dan inovasi dalam penghasilan benih tanaman, baka ternakan yang berkualiti dan tahan iklim. **P14 (MS: T2-74)** Memberi penekanan kepada amalan pertanian baik di kalangan pengusaha aktiviti pertanian. **P15 (MS: T2-74)** Meneroka potensi *agrivoltaics* iaitu menyepadukan penjanaan tenaga terbaharu seperti solar farm dengan tanaman yang bersesuaian.
MP14 Aktiviti dan Daya Saing Industri Asas Tani Perlu Dipertingkatkan dan Diperkukuhkan	**P1 (MS: T2-77)** Meningkatkan penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti bagi menyokong pembangunan aktiviti industri asas tani. **P2 (MS: T2-77)** Menyediakan program-program pembangunan modal insan dan kemahiran berkaitan. **P3 (MS: T2-77)** Mengintegrasikan pembangunan industri asas tani dengan sektor-sektor lain.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
MP15 Pembangunan dan Peningkatan Aktiviti Pertanian Bandar di Kawasan Bandar dan Pinggir Bandar Digalakkan	**P1 (MS: T2-80)** Mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk aktiviti kebuniti oleh masyarakat setempat atau pihak PBT. **P2 (MS: T2-80)** Mempertimbang untuk membenarkan penggunaan 1% daripada 10% kawasan lapang sedia ada yang diperuntukkan dalam skim pembangunan baharu dan kawasan lapang terbiar yang tidak berfungsi untuk aktiviti kebuniti. **P3 (MS: T2-80)** Mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk aktiviti pertanian bandar secara komersial (kilang tanaman) oleh pihak persendirian. **P4 (MS: T2-80)** Penggunaan teknologi tinggi dan digital dalam pengoperasian aktiviti pertanian bandar. **P5 (MS: T2-80)** Mempertimbangkan pemberian Insentif kepada pengusaha yang membuat pelaburan menggunakan tenaga solar untuk kilang tanaman. **P6 (MS: T2-80)** Menyediakan dan menyelaras garis panduan pelaksanaan untuk aktiviti kebuniti dan pertanian bandar secara komersial di peringkat PBT. **P7 (MS: T2-80)** Melaksanakan aktiviti pertanian di pelbagai peringkat pertubuhan, sekolah, institusi pendidikan dan komuniti setempat.

Hala Tuju 3:
Penggalakkan Pemuliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) dan Sumber Semula Jadi Serta Pemeliharaan Sumber-sumber Warisan

MP16 Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) akan Diurus Berdasarkan Tahap KSAS serta di Intergrasikan dengan Perancangan Guna Tanah Keseluruhan	**P1 (MS: T2-84)** Mengawal pembangunan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) secara bersepadu berdasarkan tahap KSAS 1, 2 dan 3. **P2 (MS: T2-84)** Memelihara dan memulihara tapak- tapak yang mempunyai Nilai Universal Sejagat (OUV) dan warisan yang tinggi. **P3 (MS: T2-84)** Merancang penggunaan tanah dan aktiviti pembangunan dalam kawasan geopark. **P4 (MS: T2-84)** Mengawal pembangunan di atas tanah gambut berpandukan garis panduan perancangan pembangunan tanah gambut di Negeri Selangor. **P5 (MS: T2-84)** Merancang guna tanah mengikut kesesuaian tahap KSAS dan garis panduan yang berkaitan tahap KSAS. **P6 (MS: T2-84)** Menghalang sebarang aktiviti pembangunan berstruktur dan rentas kawasan dalam kawasan tadahan empangan yang telah diwartakan.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR(KSAS)

KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR(KSAS) DI NEGERI SELANGOR



Petunjuk :

Tahap KSAS

- Kawasan Tepu Bina
- Tahap 1
- Tahap 2
- Tahap 3
- Tidak Termasuk Dalam Tahap KSAS

Lain-lain :

- Negeri Bersempadan
- Sempadan Daerah
- Sempadan Geopark
- Lebuh Raya
- Jalan Utama
- Laluan Rel KTM
- Laluan Rel ERL
- Laluan Rel MRT, LRT & Monorail
- Laluan Rel ECRL
- Cadangan Laluan Rel MRT3
- Cadangan Sambungan Laluan Rel ERL (Negeri Sembilan)
- Badan Air
- Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
	P7 (MS: T2-84) Membangun dan memulihara kawasan hutan simpan hutan dara dan hutan yang tinggi nilai pemuliharaannya sebagai kawasan arboretum. **P8 (MS: T2-84)** Mengenal pasti keperluan penyediaan Garis Panduan Perancangan bagi lain-lain KSAS. **P9 (MS: T2-85)** Menetapkan zon penampan yang bersesuaian antara kawasan warisan dengan kawasan pembangunan yang dibenarkan. **P10 (MS: T2-85)** Mengenal pasti kegunaan /aktiviti yang bersesuaian dalam zon penampan kawasan FRIM, Taman Warisan, Permatang Kuarza Gombak dan Pusat Kawalan Kusta Negara. **P11 (MS: T2-85)** Mengawal aktiviti pembangunan di kawasan yang menjadi aset geologi. **P12 (MS: T2-85)** Menguatkuasa Akta Pemuliharaan Tanah 1960 (Akta 385).
MP17 Pengekalan Kawasan Hutan Simpan Sekurang-kurangnya 31% Daripada Keluasan Negeri Selangor Perlu Diurus Secara Lestari Sebagai Zon Perlindungan Penuh	**P1 (MS: T2-93)** Mengekal dan memulihara kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sedia ada. **P2 (MS: T2-93)** Mengawal perluasan kawasan perumahan dan pertanian berhampiran kawasan ekologi atau hutan simpan. **P3 (MS: T2-93)** Mengawal dan memulihara kawasan hutan simpan di tanah gambut secara bersepadu untuk mengelakkan kes-kes kebakaran. **P4 (MS: T2-93)** Membangunkan sebahagian hutan paya gambut yang berpotensi sebagai tapak pelancongan berasaskan ekologi dan pendidikan. **P5 (MS: T2-93)** Menanam semula dengan spesis pokok-pokok hutan yang berkualiti dan bernilai tinggi. **P6 (MS: T2-93)** Memulihara dan menanam semula pokok hutan bakau. **P7 (MS: T2-93)** Mengenalpasti aset-aset flora dan fauna serta mempromosikannya untuk pembangunan aktiviti eko-pelancongan.
MP18 Pengekalan dan Pemuliharaan Kawasan Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS)	**P1 (MS: T2-97)** Memastikan perancangan guna tanah mengambil kira rangkaian ekologi CFS. **P2 (MS: T2-97)** Mengekalkan rezab hidupan liar dalam Rangkaian Ekologi (RE). **P3 (MS: T2-97)** Menetapkan rangkaian ekologi sebagai KSAS dalam rancangan tempatan. **P4 (MS: T2-97)** Membentuk rangkaian sistem laluan hidupan liar untuk kawasan HSK yang tidak termasuk CFS Selangor.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

GHLGp DAN CENTRAL FOREST SPINE - CFS

LOKASI GOMBAK - HULU LANGAT GEOPARK (GHLGp) DAN CFS



31

Geotapak

Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS)

B-SL1 Hutan Simpan Raja Musa– Hutan Simpan Bukit Tarek– Hutan Simpan Bukit Gading

B-SL2 Hutan Simpan Hulu Langat- Hutan Simpan Sungai Lalang

Petunjuk :

Lokasi Geotapak

G1 - Syis Dinding AU3
G2 - Syis Hawsthordern Jalan Raya Rawang Bestari (JRBJ)
G3 - Syis Jelebu Bukit Arang
G4 - Batu Kapur Kuala Lumpur Bukit Takun
G5 - Formasi Kenny Hills Sientex
G6 - Syis Selut Karak
G7 - Endapan Batu Arang
G8 - Lapisan Alluvium Tua
G9 - Fosil Pliestosen Akhir Batu Caves
G10 - Kompleks Volcano Sempah
G11 - Oliostrom Tericih Genting Sempah
G12 - Konglomerat Sempah Karak
G13 - Rijang Gombak Karak Highway
G14 - Ketakselarasan Batu Arang
G15 - Ketakselarasan JRBJ
G16 - Kompleks Mata Air Panas Dusun Tua
G17 - Mata Air Panas Sungai Lalang
G18 - Mata Air Panas Selayang
G19 - Granit Kuala Lumpur
G20 - Mikrogranit Genting Sempah
G21 - Granit Semenyih Jalan Empangan
G22 - Porfirit Hulu Langat Sungai Gabai
G23 - Permatang Kuarza Gombak
G24 - Permatang Kuarza Tekali
G25 - Puncak Granit Gunung Nuang
G26 - Air Terjun Sungai Kanching
G27 - Air Terjun Sungai Tekala
G28 - Gua Batu Caves
G29 - Bekas Lombong Tasik Biru, Kundang
G30 - Bekas Lombong Batu Arang
G31 - Telaga Air Panas Artesian, Kg. Jawa

Lain-lain :

--- Negeri Bersempadan
--- Sempadan Daerah
— Sempadan Geopark
— Lebuh Raya
— Jalan Utama
Laluan Rel KTM
Laluan Rel ERL
--- Laluan Rel MRT, LRT & Monorail
Laluan Rel ECRL
Cadangan Laluan Rel MRT 3
Cadangan Sambungan Laluan Rel ERL (Negeri Sembilan)
Hutan Simpanan Kekal
Rangkaian Ekologi CFS B-SL
Badan Air
Zon Pesisiran Pantai (3 Batu Nautika)

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
	P5 (MS: T2-97) Memastikan tiada pencerobohan petempatan manusia dan aktiviti pertanian di kawasan rizab Hutan Simpanan Kekal (HSK). **P6 (MS: T2-97)** Mengurus dan mengawal perancangan guna tanah di kawasan bersebelahan CFS negeri. **P7 (MS: T2-97)** Menyediakan rancangan pemajuan bagi kawasan Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) di Negeri Selangor.
MP19 Aktiviti Perlombongan Harus Diurus dan Dibangunkan Secara Mampan dan Ekonomik	**P1 (MS: T2-101)** Kawasan atau tapak yang mempunyai bahan sumber asli bernilai tinggi perlu dikekalkan untuk aktiviti perlombongan masa depan. **P2 (MS: T2-101)** Menggalakkan penggunaan kaedah atau teknologi yang mesra alam bagi aktiviti perlombongan atau pengkuarian. **P3 (MS: T2-101)** Membangunkan kawasan bekas lombong untuk aktiviti pertanian (akuakultur dan penternakan itik) atau rekreasi. **P4 (MS: T2-101)** Mengekal dan memelihara kawasan bekas lombong yang telah diwarta. **P5 (MS: T2-101)** Kawasan bekas lombong yang hendak dibangunkan untuk tujuan pembangunan perbandaran perlu dikaji kesesuaiannya. **P6 (MS: T2-101)** Meneroka potensi kawasan bekas lombong bagi pembangunan dan penjanaan tenaga terbaharu. **P7 (MS: T2-101)** Aktiviti perlombongan sumber-sumber baharu seperti nadir bumi adalah tertakluk pada Garis Panduan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
MP20 Kawasan Pesisiran Pantai Selangor Perlu Dirancang dan Diurus Selari dengan Pendekatan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ICM), Pelan Pengezonan Guna Pantai Bersepadu (ICZM) dan Rancangan Fizikal Negara Zon Persisiran Pantai (RFZPPN)	**P1 (MS: T2-104)** Menggunapakai Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ICM), Pelan Pengezonan Guna Pantai Bersepadu (ICZM) dan Rancangan Fizikal Negara Zon Persisiran Pantai (RFZPPN) untuk tujuan penyelarasan dan pemantauan di peringkat negeri. **P2 (MS: T2-104)** Menggunakan parameter indeks kerapuhan persisiran pantai (CVI) sebagai panduan dalam merancang dan mengurus pembangunan. **P3 (MS: T2-104)** Menyediakan pelan tindakan bagi mitigasi dan perancangan secara menyeluruh untuk unit perancangan zon persisiran (UPZP). **P4 (MS: T2-104)** Mengawal aktiviti penambakan pantai, tebus guna tanah dan pengorekan pasir. **P5 (MS: T2-104)** Mengawal pembinaan projek-projek di zon persisiran pantai (kawasan 5 km dari garis pantai ke arah darat dan 3 batu nautika ke arah laut). **P6 (MS: T2-104)** Mengelakkan pemberian permit baru untuk pengusaha aktiviti akuakultur di kawasan persisiran pantai.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
	P7 (MS: T2-104) Menggalakkan pelan mitigasi melalui kaedah berstruktur atau tidak berstruktur yang bersesuaian di kawasan yang telah diterokai dan kawasan berpotensi. **P8 (MS: T2-104)** Sebarang kerja-kerja penambakan tanah pantai/penambakan laut hendaklah mematuhi kajian terperinci hidrologi, hidraulik, SIA, EIA dan tidak boleh mengganggu ekosistem pesisiran pantai. **P9 (MS: T2-104)** Mengekalkan kawasan paya bakau di sepanjang kawasan pesisiran pantai bagi mengelakkan masalah hakisan pantai. **P10 (MS: T2-104)** Mengenal pasti lokasi-lokasi yang mudah dinaiki air semasa fenomena air pasang besar dan menyediakan pelan tindakan mitigasi.
MP21 Aktiviti-aktiviti Yang Dikenal Pasti Sebagai Punca Pencemaran Badan Air Memerlukan Pengawalan Yang Rapi Dan Pemantauan Yang Konsisten Selaras Dengan Pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM)	**P1 (MS: T2-107)** Menggunapakai pendekatan pengurusan lembangan sungai bersepadu (IRBM). **P2 (MS: T2-107)** Menyediakan sistem pembetungan yang efisien untuk merawat efluen dan kumbahan. **P3 (MS: T2-107)** Mengawal sisa buangan ternakan dari operasi aktiviti akuakultur dan lain-lain penternakan di sepanjang sungai. **P4 (MS: T2-107)** Memastikan tiada pencerobohan tanah berlaku untuk tujuan pembangunan perbandaran di kawasan rezab sungai. **P5 (MS: T2-107)** Mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang menjadi punca pencemaran air. **P6 (MS: T2-107)** Mengawal aktiviti pembukaan tanah bagi tujuan pembangunan, rekreasi, pengorekan pasir dan memastikan langkah kawalan pencemaran permukaan serta bawah tanah disediakan.
MP22 Semua Punca Air Dan Kawasan Tadahan Air Perlu Dikawal, Diurus Dan Dilindungi Secara Mampan Mengikut Ketetapan KSAS Sokongan Hidup	**P1 (MS: T2-111)** Memastikan kawasan hutan tadahan air dan lain-lain punca bekalan air seperti badan air dan air bawah tanah dilindungi dan diuruskan dengan berkesan. **P2 (MS: T2-111)** Mengawal pelepasan efluen daripada aktiviti pertanian ke dalam badan air. **P3 (MS: T2-111)** Mengkaji kesesuaian air bawah tanah dan air bekas lombong sebagai sumber alternatif untuk punca air. **P4 (MS: T2-111)** Menggalakkan dan meningkatkan amalan konsep penggunaan kitar semula air dalam aktiviti domestik dan industri. **P5 (MS: T2-111)** Mengawal dan memantau aktiviti guna tanah yang berhampiran dengan punca sumber air minuman serta kawasan tadahan air. **P6 (MS: T2-111)** Menggunakan kawasan badan air sebagai sumber untuk kawasan rekreasi air yang tidak mencemarkan kualiti badan air tertakluk kepada pihak berkuasa negeri.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
	P7 (MS: T2-111) Merujuk kepada semua ketetapan dan dasar yang berkaitan seperti dasar pengurusan sungai dan dasar pengurusan tasik untuk mengawal dan melindungi sumber punca air dan kawasan tadahan.
MP23 Kawasan yang Mempunyai Warisan Semula Jadi dan Warisan Kebudayaan Perlu Dipulihara untuk Membentuk Imej Bandar Warisan	**P1 (MS: T2-114)** Mewartakan taman negeri bagi tanah kerajaan dalam kawasan tanah lembap (bencah), hutan simpan paya bakau, hutan simpanan dan rizab hidupan liar sebagai aset warisan semula jadi negeri. **P2 (MS: T2-114)** Mewartakan sumber warisan seni bina bangunan yang berpotensi dinaiktaraf di peringkat negeri atau kebangsaan. **P3 (MS: T2-114)** Memulihara sumber warisan seni bina bangunan yang didaftarkan oleh Jabatan Warisan Negara. **P4 (MS: T2-114)** Mengawal sumber warisan seni bina bangunan menerusi kawalan pembangunan mengikut garis panduan yang disediakan. **P5 (MS: T2-114)** Menerapkan konsep kerjasama pintar di antara pihak swasta dan kerajaan di dalam pemuliharaan bangunan warisan. **P6 (MS: T2-114)** Mempromosikan sumber warisan semula jadi dan seni bina bangunan sama ada di peringkat negeri atau kebangsaan. **P7 (MS: T2-114)** Mengukuhkan mekanisme pengurusan sumber warisan melalui penglibatan badan bukan kerajaan, komuniti setempat dan semua agensi terlibat secara bersepadu. **P8 (MS: T2-114)** Menyediakan satu sistem maklumat inventori untuk sumber warisan semula jadi dan sumber seni bina bangunan. **P9 (MS: T2-114)** Meningkatkan program pendidikan dan kesedaran awam mengenai kepentingan warisan semula jadi dan seni bina bangunan.

Hala Tuju 4:
Peningkatan Kualiti Alam Sekitar Ke Arah Kehidupan yang Lebih Sihat

MP24 Kualiti Alam Sekitar Di Kawasan Perbandaran Dipertingkatkan Untuk Mewujudkan Kualiti Hidup Masyarakat Yang Lebih Sihat, Selamat, Selesa Dan Sejahtera	**P1 (MS: T2-118)** Mengelakkan percanggahan guna tanah / aktiviti bangunan dengan kegunaan bersebelahan. **P2 (MS: T2-118)** Meningkatkan amalan pengurusan terbaik bagi tapak pelupusan sedia ada dan menutup semua tapak pembuangan secara haram.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
	P3 (MS: T2-118) Memastikan penyediaan Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) dibuat mengikut keperluan prescribed activities di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. **P4 (MS: T2-118)** Menekankan pemakaian prinsip-prinsip pembangunan mampan melalui pendekatan teknologi hijau. **P5 (MS: T2-118)** Menyediakan perangkap sampah, tapisan minyak dan garis sistem pengolahan efluen. **P6 (MS: T2-118)** Meningkatkan program pendidikan dan kesedaran awam mengenai kepentingan pemeliharaan kualiti alam sekitar. **P7 (MS: T2-118)** Memantau operasi aktiviti-aktiviti yang menjadi punca kacauganggu.
MP25 Perancangan Dan Pengurusan Bersepadu Alam Sekitar Perlu Dilaksanakan Secara Holistik Dengan Penglibatan, Kolaborasi Dan Kerjasama Dari Semua Pihak Yang Berkepentingan (*Stakeholders*)	**P1 (MS: T2-121)** Semua agensi kerajaan dan pihak swasta perlu mengadaptasi semua dasar dan polisi yang berkaitan alam sekitar. **P2 (MS: T2-121)** Meningkatkan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan kualiti alam sekitar. **P3 (MS: T2-121)** Pengawalan dan pengurusan aspek alam sekitar perlulah berpandukan *"blueprint"* alam sekitar Negeri Selangor. **P4 (MS: T2-121)** Menggunapakai konsep perkongsian pintar (*smart partnership*) di antara sektor awam, pihak swasta dan pihak berkepentingan.

Hala Tuju 5:
Peningkatan Sistem Saliran dan Pengurusan Sisa yang Efisien dan Efektif

MP26 Lembangan Sungai Akan Diurus Secara Efisen, Efektif Dan Bersepadu Melalui Perlaksanaan Dan Pewartaan Pelan Pengurusan Bersepadu Lembangan Sungai (IRBM)	**P1 (MS: T2-125)** Meluaskan pelaksanaan IRBM di semua lembangan sungai utama. **P2 (MS: T2-125)** Melaksanakan pelan tindakan IRBM.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
MP27 Sungai Dan Pesisirannya Akan Dilindungi, Dipulihara dan Diaktifkan Penggunaannya Sebagai Aset yang Berharga	**P1 (MS: T2-128)** Mempelihara rizab sungai seperti mana Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rizab Sungai, JPS. **P2 (MS: T2-128)** Mewartakan sungai-sungai dan anak-anak sungai utama beserta jarak kawalan pembangunan 50 meter dari tebing kiri dan kanan sungai sebagai zon perlindungan. **P3 (MS: T2-129)** Sebarang cadangan pembangunan dalam hak milik individu pembangunan di rizab sungai perlulah menjalankan kajian terperinci. **P4 (MS: T2-129)** Meningkatkan pemantauan dan pengawalan aktiviti pembangunan di rizab sungai bagi mengelakkan pencemaran dan pencerobohan rizab sungai. **P5 (MS: T2-129)** Pengurusan dan pembinaan semua jeti sama ada bagi tujuan persendirian dan komersil. **P6 (MS: T2-129)** Melaksanakan kerja-kerja memulih, menambahbaik dan merangsang semula (river rejuvenation) sungai-sungai di kawasan perbandaran. **P7 (MS: T2-129)** Menyokong usaha-usaha pemuliharaan Sungai Klang dan aktivitinya perlu diteruskan untuk semua sungai utama. **P8 (MS: T2-129)** Memelihara koridor tepian sungai, tasik dan kolam.
MP28 Pengurusan Air Larian Permukaan Dipertingkatkan Dan Sistem Saliran Bandar Yang Bersepadu, Menyeluruh Dan Efisen Disediakan Bagi Kawasan-kawasan Perbandaran	**P1 (MS: T2-132)** Melaksanakan program river improvement bagi meningkatkan keupayaan sungai dan kawalan banjir di sungai-sungai yang menjadi tulang belakang kepada sistem saliran kawasan perbandaran. **P2 (MS: T2-133)** Menyediakan Pelan Induk Sistem Perparitan Bandar bagi beberapa kawasan tadahan krtitikal . **P3 (MS: T2-133)** Memastikan semua pembangunan baru perlu mematuhi dan mengguna pakai Pelan Induk Sistem Perparitan Bandar. **P4 (MS: T2-133)** Membina ban banjir atau "dyke" untuk melindungi kawasan-kawasan mudah banjir dari dilimpahi sungai-sungai utama. **P5 (MS: T2-133)** Mengekalkan badan air (tasik, kolam) sedia ada bagi menyediakan kolam takungan semula jadi. **P6 (MS: T2-133)** Membina kolam takungan (retention pond) di lokasi untuk mengawal aliran air sungai-sungai terbabit ketika waktu puncak sungai hasil dari hujan lebat. **P7 (MS: T2-133)** Melaksanakan kajian semula struktur organisasi entiti-entiti yang terlibat dengan pengurusan sistem saliran dan perparitan ke arah corak pengurusan yang lebih bersepadu.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
MP29 Tahap Perkhidmatan Sistem dan Kemudahan Pembetungan Dipertingkatkan dan Diperluaskan Berdasarkan Pendekatan Mesra Alam	**P1 (MS: T2-138)** Memaksimumkan dan meluaskan penggunaan Sistem Rawatan Kumbahan Berpusat (CSTP) untuk pembangunan baru. **P2 (MS: T2-138)** Melaksanakan cadangan projek baru, naik taraf dan program rasionalisasi sistem pembetungan di kawasan setiap pihak berkuasa tempatan (PBT). **P3 (MS: T2-138)** Mengenal pasti tapak dan melaksanakan pengambilan tanah untuk tujuan Regional STP dilakukan dengan sebaik mungkin. **P4 (MS: T2-138)** Melaksanakan penutupan loji-loji kecil dan sistem serta tangki-tangki septik dan penyambungan sisa kumbahan. **P5 (MS: T2-138)** Menyambungkan lebih banyak loji-loji kecil yang tiada rawatan / tidak mematuhi kaedah rawatan kumbahan pihak IWK kepada sistem pembetungan berpusat serantau (Regional Sewerage Treatment Plant). **P6 (MS: T2-138)** Menggantikan paip pembetung utama untuk mewujudkan sistem rawatan kumbahan berpusat serantau. **P7 (MS: T2-138)** Menyediakan dan memastikan sistem pembetungan yang mesra alam seperti penggunaan tangki septik yang diluluskan pihak IWK di kawasan petempatan desa. **P8 (MS: T2-138)** Mengenal pasti dan menguatkuasa kawasan-kawasan yang menyebabkan pencemaran sisa kumbahan ke punca air mentah. **P9 (MS: T2-138)** Mengkaji semula penggunaan tapak kolam oksidasi sedia ada yang tidak lagi digunakan. **P10 (MS: T2-138)** Mengenal pasti dan melaksanakan tindakan kawalan rapi seperti penguncian lurang kumbahan terutamanya di lokasi terpencil.
MP30 Konsep Pengurangan Sisa Pepejal Akan Digalakkan dan Aktiviti Kitar Semula Akan Dipertingkatkan Bagi Mencapai Sasaran Sekurang-kurangnya 30% Kadar Kitar Semula Pada Tahun 2035	**P1 (MS: T2-145)** Menyediakan kemudahan kitar semula bermula dipunca (at source) sehingga ke tapak pelupusan. **P2 (MS: T2-145)** Menubuhkan satu unit kitar semula di PBT bagi melaksanakan kerja-kerja berkaitan kitar semula. **P3 (MS: T2-145)** Meningkatkan penglibatan komuniti di dalam pelaksanaan konsep 3R (*reduce, reuse, recycle*). **P4 (MS: T2-145)** Menjadikan program kitar semula sebagai kempen pendidikan umum. **P5 (MS: T2-145)** Mengurangkan penjanaan sisa melalui perubahan gaya hidup.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
MP31 Sistem Pengurusan Sisa Pepejal dan Toksik yang Lebih Efektif serta Mesra Alam akan Dilaksanakan	**P1 (MS: T2-147)** Meningkatkan tahap operasi (perkhidmatan kawal selia, pengumpulan dan pelupusan sisa pepejal) terutama bagi kawasan perumahan berkepadatan tinggi, dan kawasan-kawasan tumpuan awam. **P2 (MS: T2-147)** Melaksanakan kaedah pelupusan sisa pepejal secara serantau yang mesra alam dan mesti mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. **P3 (MS: T2-147)** Melaksanakan kaedah pelupusan yang mengamalkan kitar semula seperti amalan kitar semula untuk semua jenis sisa *Waste To Energy* (WTE) dan juga penyediaan kemudahan *Material Recovery Facility* (MRF). **P4 (MS: T2-147)** Menambah atau menaiktaraf kemudahan transfer station bagi tujuan pelupusan sisa pepejal. **P5 (MS: T2-147)** Memastikan sistem dan kemudahan pelupusan sisa pepejal/toksik yang akan digunapakai oleh premis berkenaan.

Hala Tuju 6:
Peningkatan Pengaplikasikan Teknologi Hijau di dalam Pembekalan Tenaga dan Air, Bangunan, Pengurusan Sisa dan Sistem Pengangkutan

MP32 Pembangunan Teknologi Hijau di dalam Sektor Pembekalan Tenaga dan Air, Bangunan, Pengurusan Sisa dan Sistem Pengangkutan Digalakkan dan Akan Dipermudahkan	**P1 (MS: T2-151)** Menggalakkan penggunaan teknologi janakuasa yang mesra alam dan juga penggunaan tenaga boleh diperbaharui ataupun *renewable energy* (RE) **P2 (MS: T2-151)** Menggalakkan penggunaan kuasa solar sebagai sumber tenaga. **P3 (MS: T2-151)** Memberikan insentif kepada pemilik bangunan yang menggunakan tenaga solar. **P4 (MS: T2-151)** Mencadangkan kaedah *feed in tariff* (FIT) dilaksanakan di mana lebihan kuasa yang dijanakan oleh bangunan-bangunan terlibat boleh dijual kepada pihak TNB pada kadar premium. **P5 (MS: T2-151)** Menggunapakai prinsip teknologi hijau di peringkat reka bentuk di dalam pembinaan dan pelaksanaan infrastruktur tenaga elektrik. **P6 (MS: T2-151)** Memperkenalkan inisiatif pemberian rebat kepada pengguna / isi rumah domestik yang membeli produk atau peralatan elektrik yang mempunyai label kecekapan tenaga tinggi. **P7 (MS: T2-151)** Menggunapakai teknologi hijau dalam reka bentuk bangunan, pembinaan, pengurusan dan penyelenggaraan bangunan.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
	P8 (MS: T2-151) Memberikan insentif tambahan selain dari pengecualian cukai dan pelepasan duti stem kepada pemilik bangunan dan pembeli aset dalam bangunan yang diiktiraf menepati indeks bangunan hijau (GBI). **P9 (MS: T2-151)** Mengenalpasti insentif yang bersesuaian di peringkat PBT. **P10 (MS: T2-151)** Menggunapakai sistem menuai air hujan (rain water harvesting) di bangunan-bangunan yang dibina untuk kegunaan domestik. **P11 (MS: T2-152)** Memperkasakan program kitar semula di dalam pengurusan sisa pepejal secara lebih menyeluruh. **P12 (MS: T2-152)** Menggunakan kaedah kitar semula, Waste To Energy (WTE), Waste To Wealth (WTW), dan juga menyediakan kemudahan Material Recovery Facility (MRF) di semua tapak pelupusan sisa pepejal. **P13 (MS: T2-152)** Menggunakan elemen teknologi hijau di dalam sistem pembetungan. **P14 (MS: T2-152)** Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan kenderaan jenis hybrid. **P15 (MS: T2-152)** Memberikan insentif kepada pengguna / pemilik / pengusaha yang menggunakan elemen teknologi hijau. **P16 (MS: T2-152)** Menggunakan bahan pembinaan berteknologi hijau di dalam pembangunan jalan raya. **P17 (MS: T2-152)** Meluaskan pemakaian konsep perbandaran hijau di semua bandar-bandar. **P18 (MS: T2-152)** Meluaskan pemakaian konsep re-planting atau membudayakan menanam pokok di kawasan bandar. **P19 (MS: T2-152)** Memasukkan maklumat pengaplikasian teknologi hijau bagi sesuatu cadangan pembangunan di dalam laporan cadangan pemajuan.
MP33 Agenda Pengurusan Risiko Bencana Akan Diarusperdana Di Peringkat Perancangan Dan Pengurusan Pembangunan	**P1 (MS: T2-155)** Meningkatkan kerja-kerja pemantauan dan penyelenggaraan di kawasan yang berisiko bencana. **P2 (MS: T2-155)** Memastikan pembangunan di kawasan berbukit, bercerun, pesisiran pantai, kawasan tanah rendah dan berisiko banjir adalah memenuhi syarat garis panduan perancangan pembangunan. **P3 (MS: T2-155)** Memastikan parameter seperti kawasan berbukit, bercerun, pesisiran pantai, kawasan tanah rendah serta berisiko banjir diambil kira bagi penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Bencana dalam rancangan pemajuan Negeri Selangor.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
	P4 (MS: T2-155) Memberi keutamaan kepada prinsip mesra alam dalam pelaksanaan langkah mitigasi pengurusan risiko bencana. **P5 (MS: T2-155)** Menjalankan kerja pemetaan yang terperinci di kawasan berisiko bencana bagi setiap daerah di Negeri Selangor.
MP34 Pelaksanaan Selangor Urban Observatory (SUO) untuk Menyelaras, Mengintegrasi dan Mengurus Data Raya di Peringkat Negeri	**P1 (MS: T2-157)** Menyediakan sistem rangkaian data raya di peringkat negeri dan tempatan. **P2 (MS: T2-157)** Pewujudan sistem pangkalan data dan geographic information system (GIS) Bersepadu, termasuk penggunaan analisis data raya "*Big Data*" dan *Analytics*.
MP35 Pelaksanaan Local Urban Observatory (LUO) Di Peringkat PBT Bagi Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Bandar	**P1 (MS: T2-158)** Memperincikan sistem rangkaian data raya dan analisis data bagi memantau dan mengurus kawasan pentadbiran. **P2 (MS: T2-158)** Menggalakkan pelaksanaan dasar data terbuka, perkongsian data dan memanfaatkan analisis data raya (BDA) antara agensi negeri dan tempatan.
MP36 Pelaksanaan Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon Perlu Diperluas Di Peringkat Perancangan Dan Pembangunan Daerah	**P1 (MS: T2-161)** Menggalakkan penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Rendah Kerbon bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). **P2 (MS: T2-161)** Menggalakkan penggunaan teknologi hijau dan infrastruktur pintar. **P3 (MS: T2-161)** Mengoptimumkan sumber untuk mengorientasikan pembangunan mampan dan rendah karbon. **P4 (MS: T2-161)** Meningkatkan taman-taman perindustrian sedia ada dengan menambah baik kemudahan infrastruktur dengan mengaplikasikan konsep infrastruktur hijau (*green infrastructure*) **P5 (MS: T2-161)** Menggalakkan transformasi industri kepada industri berteknologi tinggi dan beramalan teknologi hijau. **P6 (MS: T2-161)** Mengawal pencemaran (udara, air, bunyi) daripada aktiviti perindustrian. **P7 (MS: T2-161)** Menyediaka nkajian-kajian berkaitan pelaksanaan dan memantapkan lagi garis panduan pembangunan TOD untuk diguna pakai.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 2

KE ARAH NEGERI MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
	P8 (MS: T2-161) Meningkatkan penggunaan kenderaan elektrik terutamanya perkhidmatan bas awam dan kenderaan jabatan kerajaan. **P9 (MS: T2-161)** Mempromosikan amalan cekap tenaga (*energy efficiency*) dan infrastruktur hijau dalam semua sektor pembangunan yang meliputi reka bentuk dan teknologi. **P10 (MS: T2-161)** Menggalakkan aplikasi bandar pintar di pusat-pusat petempatan utama dan pusat-pusat pembangunan baharu. **P11 (MS: T2-161)** Mengaktifkan program dan perkhidmatan kerajaan digital.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

Teras 3

Ke Arah Negeri Cekap Sumber
Dan Berdaya Huni

TERAS 3

KE ARAH NEGERI CEKAP SUMBER DAN BERDAYA HUNI

RUMUSAN DASAR TERAS 3



Aktiviti/Perkara Utama Bagi Teras 3

- Perumahan
- Bandar Selamat
- Kawasan Setinggan
- Kemudahan Awam
- Pengangkutan
- Bekalan Air
- Bekalan Tenaga Elektrik
- Gas Asli

KEKAL

Hala Tuju Strategik: 0
Dasar: 18
Inisiatif Pelaksanaan: 108

PINDAAN

Hala Tuju Strategik: 5
Dasar: 7
Inisiatif Pelaksanaan: 45

BAHARU

Hala Tuju Strategik: 1
Dasar: 1
Inisiatif Pelaksanaan: 22

TERAS 3

KE ARAH NEGERI CEKAP SUMBER DAN BERDAYA HUNI

PERKAITAN MATLAMAT SDGs

Matlamat SDGs yang terlibat:

3, 4, 6, 8, 9, 10, 11 dan **16**

TERAS 3

KE ARAH NEGERI CEKAP SUMBER DAN BERDAYA HUNI

DASAR,GARIS PANDUAN DAN PELAN PEMBANGUNAN BAHARU YANG DIAMBIL KIRA

Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2030

Highway Network Development Plan (HNDP 2030)



Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur (PeGTaECRL)

Projek Pembangunan Hybrid Off River Augmentation System (HORAS)

Skim Bekalan Air Mentah Di Antara Negeri

Garis Panduan Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)



Dasar Perancangan Pembangunan Berorientasikan Transit di Negeri Selangor

Garis Panduan Perancangan Laluan Kenderaan Mikromobiliti

Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB)

Lain-lain Dasar/Garis Panduan Baharu/Pelan Pembangunan Baharu

TERAS 3

KE ARAH NEGERI CEKAP SUMBER DAN BERDAYA HUNI

Hala Tuju 1:
Penumpuan Pembangunan Perumahan Yang Mencukupi dan Mampu Milik Dengan Persekitaran Yang Berkualiti serta Selamat

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
MM1 Penawaran Perumahan Mengikut Keperluan Dengan Pelbagai Jenis dan Kos Akan Disediakan	**P1 (MS: T3-12)** Menyediakan 600,000 unit rumah sehingga tahun 2035. **P2 (MS: T3-12)** Menggalakkan pembangunan kawasan perumahan baharu dalam kawasan tadahan pengangkutan awam. **P3 (MS: T3-12)** Memberi insentif perancangan kepada pemaju yang membangunkan kawasan perumahan dengan menerapkan elemen bandar pintar, bandar berdaya tahan, bandar rendah karbon, bandar selamat, bandar mesra usia dan upaya dan lain-lain. **P4 (MS: T3-12)** Menyemak semula kebenaran pemilikan hartanah kediaman oleh penduduk bukan warganegara. **P5 (MS: T3-12)** Meneruskan dan merancang semula projek perumahan terbengkalai. **P6 (MS: T3-12)** Mengemas kini Piawaian dan Panduan Perancangan bagi pembangunan perumahan, kemudahan sokongan dan kawasan persekitaran. **P7 (MS: T3-12)** Menaik taraf fungsi LPHS sebagai pusat maklumat perumahan berpusat. **P8 (MS: T3-12)** Menggalakkan Skim Retirement Village untuk warga emas. **P9 (MS: T3-12)** Menyediakan cadangan perkhidmatan pengangkutan awam sebagai syarat kelulusan Kebenaran Merancang. **P10 (MS: T3-12)** Menggalakkan penyediaan perkongsian ruang awam dan reka bentuk persekitaran yang inklusif serta mesra usia dan upaya. **P11 (MS: T3-13)** Menggalakkan pembangunan kawasan perumahan baharu yang berkonsepkan Bandar 20 Minit (KP20M).
MM2 Penyediaan dan Penawaran Rumah Mampu Milik Yang Berkualiti dan Mencukupi Mengikut Keperluan	**P1 (MS: T3-15)** Menggalakkan pembangunan Rumah Mampu Milik. **P2 (MS: T3-15)** Meneruskan dan menyemak Dasar Rumah Mampu Milik Negeri Selangor.

**Nota: Penilaian inisiatif pelaksanaan perlu merujuk RS Negeri Selangor 2035 (Pengubahan)*

TERAS 3

KE ARAH NEGERI CEKAP SUMBER DAN BERDAYA HUNI

Dasar	Inisiatif Pelaksanaan
